



Khutbah Aidil Adha

1442H / 2021M



Jabatan Agama Islam Perak (Jaiipk)

Kompleks Islam Darul Ridzuan,
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,
30000 Ipoh, Perak Darul Ridzuan



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"BERKORBAN KERANA ALLAH"

20 Julai 2021 / 10 Zulhijah 1442

الله أَكْبَرُ،
أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ. الله أَكْبَرُ كَيْرًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا، وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً
وَأَصِيلًا، لَا إِلَهَ إِلَّا الله وَحْدَهُ، صَدَقَ وَعْدَهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَأَعْزَزَ جُنْدَهُ، وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ
وَحْدَهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا الله وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آئِلَّهِ وَصَحْبِهِ وَالثَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ لَهُمْ
يَا حَسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Muslimin Muslimat yang dirahmati Allah,

Marilah kita meningkatkan takwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa; mudah-mudahan kita beroleh kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Khutbah Aidiladha pada pagi yang penuh berakah ini bertajuk **“Berkorban Kerana Allah”**

Alhamdulillah, kita bersyukur kerana dikurniakan rahmat llahi, dapat menjadi tetamu di rumah Allah, bersolat sunat Aidiladha secara berjemaah; dan dengan kemurahan Nyia juga, bermula 1 Zulhijah, kita dihidangkan peluang memperbanyakkan amal soleh dan bersungguh-sungguh memohon pengampunan.

Daripada Ibnu Umar Radhiyallaahu ‘Anhuma, daripada Nabi SAW bersabda,

مَا مِنْ أَيَّامٍ أَعْظَمُ عِنْدَ اللَّهِ وَلَا أَحَبُّ إِلَيْهِ الْعَمَلُ فِيهِنَّ مِنْ هَذِهِ الْأَيَّامِ الْعَشْرُ

Maksudnya: "Tidak ada hari-hari yang lebih agung di sisi Allah dan amal soleh di dalamnya, lebih dicintai oleh Nya dari hari yang sepuluh (sepuluh hari pertama bulan Zulhijah)."

(HR. Ahmad)

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

Selamat Keputeraan



Tanda bersyukur atas segala nikmat kurniaan Ilahi, kita amat digalakkan memperbanyakkan takbir dan tahmid, mulai solat Subuh pada 9 Zulhijah hingga solat Asar pada 13 Zulhijah. Kita juga amat digalakkan menyembelih binatang ternakan, bertujuan membersihkan jiwa dan mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Hadis diriwayatkan oleh Ummul Mukminin A’isyah Radiallahuanha, bahawa Nabi SAW bersabda:

مَا عَمِلَ آدَمُ مِنْ عَمَلٍ يَوْمَ النَّحْرِ أَحَبَ إِلَى اللَّهِ مِنْ إِهْرَاقِ الدَّمِ، إِنَّهُ لَيَأْتِي
يَوْمَ الْقِيَامَةِ بِقُرُونَهَا وَأَشْعَارَهَا وَأَظْلَافَهَا، وَأَنَّ الدَّمَ لَيَقَعُ مِنَ اللَّهِ بِمَكَانٍ قَبْلَ
أَنْ يَقَعَ مِنَ الْأَرْضِ، فَطَبِيعُوا بِهَا نَفْسًا

Maksudnya: “Tidak ada amalan yang dilakukan oleh anak Adam pada hari al-Nahr (Hari Raya Aidiladha) yang lebih dicintai oleh Allah selain daripada menumpahkan darah (binatang korban). Sesungguhnya ia akan datang pada hari kiamat dengan tanduknya, bulunya dan kukunya dan sesungguhnya darah tersebut akan sampai kepada reda Allah SWT sebelum ia jatuh ke bumi. Maka, bersihkanlah jiwa kamu (dengan berkorban).” (HR. At-Tirmizi)

اللهُ أَكْبَرُ، اللهُ أَكْبَرُ، اللهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Muslimin Muslimat Rahimakumullah,

Puncak kesanggupan melakukan pengorbanan, sebagai bukti ketataan kepada perintah Ilahi, ialah kisah kerelaan Nabi Ibrahim A.S. menyembelih anak yang disayangi baginda, demikian juga kerelaan Nabi Ismail A.S. menyerahkan leher untuk disembelih; firman Allah SWT:

فَلَمَّا بَلَغَ مَعْهُ السَّعْيَ قَالَ يَبْنِي إِنِّي أَرَى فِي الْمَنَامِ أَنِّي أَذْبَحُكَ فَأَنْظُرْ مَاذَا تَرَىٰ ۝ قَالَ يَأْبَىٰ أَفْعَلُ مَا
تُؤْمِرُ سَتَجْدُنِي إِنْ شَاءَ اللَّهُ مِنَ الْصَّابِرِينَ ﴿١٢﴾

Maksudnya: (Ibrahim berkata) wahai anak ku, sesungguhnya aku telah melihat dalam mimpi bahawa aku menyembelih kamu, maka nyatakanlah apa pandangan kamu. (Ismail berkata) wahai bapa ku, lakukanlah apa yang telah diperintahkan (Allah) kepada mu, dengan kehendak Allah, engkau akan mendapatkan aku ini tergolong dalam kalangan orang yang sabar.⁴

(Surah Al-Saaffat ayat 102)

⁴ Ayat Al-Quran



Melalui peristiwa ini, Nabi Ibrahim A.S. dan Nabi Ismail A.S. telah membuktikan sifat, sedia berkorban apa sahaja. Allah SWT pula membuktikan sifat-sifat Maha Pengasih – Maha Penyayang kepada dua orang hamba yang benar-benar mengharapkan keredaan Ilahi, apabila menggantikan Nabi Ismail A.S. dengan seekor kambing, firman Allah SWT;

وَقَدْ يَتَّهِ بِذَبْحٍ عَظِيمٍ ﴿١٧﴾

Maksudnya: Dan kami tebus anak itu dengan seekor sembelihan yang besar.

(Surah Al-Saaffat ayat 107)

Peristiwa ini menjadi dasar disyariatkan amalan korban yang dilakukan sempena sambutan Aidiladha. Selain melakukan sembelihan binatang ternakan, pada hakikatnya, korban membawa makna lebih luas, merangkumi setiap pengorbanan yang dilakukan demi mendekatkan diri kepada Allah SWT. Korban mengandungi makna yang sangat luas, merangkumi segenap aspek kehidupan seorang Muslim. Islam mengajar kita agar sentiasa sanggup berkorban, merangkumi nyawa, harta, masa dan tenaga, termasuk berkorban keinginan duniawi yang bersifat sementara, demi mencapai matlamat yang satu, iaitu mendekatkan diri kepada Allah SWT.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Sidang Jemaah Rahimakumullah,

Dunia kini dilanda wabak Covid-19, mencatatkan angka jangkitan dan angka kematian yang menakutkan. Kita menyaksikan pengorbanan para petugas di barisan hadapan yang dipertanggungjawabkan memerangi wabak Covid-19, terdiri daripada anggota tentera, Polis Diraja Malaysia, RELA, Jabatan Pertahanan Awam, Jabatan Bomba, Jabatan Kebajikan Masyarakat, juga pegawai-pegawai awam, agama dan masjid serta badan-badan sukarela. Pengorbanan paling besar dibuktikan oleh kakitangan kesihatan dan perubatan terutama mereka yang mengendalikan secara langsung para pesakit, merangkumi tugas-tugas saringan, pemeriksaan, rawatan dan menguruskan jenazah. Merekalah petugas barisan hadapan yang berhadapan risiko paling tinggi. Kepada Allah SWT kita pohonkan semoga para petugas barisan hadapan ini diberikan sebesar-besar perlindungan dan semoga pengorbanan mereka diterima sebagai amal makruf yang dikurniakan ganjaran dunia – ganjaran akhirat.



Pelbagai langkah pencegahan diperkenalkan untuk membendung penularan wabak. Akibat daripada langkah-langkah yang dikuatkuasakan, semakin ramai yang hilang pekerjaan, terhenti perniagaan dan terputus sumber pendapatan, menyebabkan begitu ramai yang mengalami hidup kais pagi makan pagi. Ramai yang putus bahan makanan, ada yang hanya mampu untuk makan sekali sehari.

Menjadi satu tanggungjawab fardu kifayah yang diwajibkan ke atas kita yang dikurniakan rezeki yang lebih, untuk membantu saudara-saudara kita yang sedang berada dalam kesusahan, berpedoman hadis Rasulullah SAW;

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَيْسَ الْمُؤْمِنُ بِالَّذِي يَشْبَعُ وَجَارُهُ جَائِعٌ

Daripada Ibnu Abbas daripada Nabi SAW: Tidak termasuk orang mukmin, orang yang kenyang sementara tetangganya kelaparan. (HR At-Tabrani No: 12579)

Sarjana Islam, ahli fiqh dan ahli sufi Jalal ad-Din Mohammad Rumi ketika ditanya, apakah bunyi muzik yang disifatkan haram dalam Islam? jawapan beliau; “bunyi sudu dalam periuk di dapur orang kaya yang didengari oleh orang miskin yang sedang kelaparan”

Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani dalam khutbahnya menasihatkan, “Satu suap kamu masukkan ke dalam perut orang yang lapar, lebih baik daripada membangunkan seribu buah masjid jamik’; dan lebih baik dari memberi kiswah Kaabah dengan kain sutera; dan lebih baik dari orang yang qiamullail dan rukuk; dan lebih baik dari berjihad melawan kekafiran dengan pedang yang terhunus; dan lebih baik daripada berpuasa sepanjang tahun. Jika tepung itu masuk ke dalam perut orang yang lapar, maka ia mempunyai cahaya matahari yang terang benderang. Sungguh beruntung bagi orang yang memberi makan kepada orang lapar”

Pandemik yang sedang berlaku, membuka ruang luas untuk kita juga, berpeluang melakukan pengorbanan dalam pelbagai bentuk, supaya dapat meringankan beban tanggungan mereka yang sedang menghadapi kesusahan; antara pertolongan yang boleh dilakukan ialah memberi sumbangan bahan makanan, membantu membayar bil elektrik dan air; para pemilik rumah dan premis perniagaan mengurangkan kadar sewa atau tidak memungut sewa semasa berlakunya penutupan dan penyekatan aktiviti, dan para majikan pula, seboleh-bolehnya tidak memberhentikan pekerja. Berkorbanlah sebahagian daripada rezeki anugerah Ilahi kepada kita dengan meningkatkan sedekah. Sesungguhnya para Malaikat senantiasa mendoakan orang yang bersedekah.



Daripada Abu Hurairah RA, berkata Rasulullah SAW,

"Setiap kali seorang hamba bangun pada waktu pagi hari, terdapat dua Malaikat yang turun. Seorang daripada mereka akan berdoa, 'Ya Allah! Berikan gantian kepada Hamba-Mu yang bersedekah. Manakala seorang Malaikat lagi turun berdoa, Ya Allah! Berikanlah kebinasaan kepada hamba-Mu yang kedekut'"

(Riwayat Muslim)

الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُم بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقْبِيلَ
مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ
الْحَمْدُ. الحَمْدُ لِلَّهِ⁵ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظَهِّرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَلَوْ
كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا وَقُدُوْتِنَا وَأَسْوَتِنَا مُحَمَّدٍ إِمامَ الْمُتَّقِينَ
وَقَائِدَ الدُّعَاءِ الْمُجَاهِدِينَ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَمَنْ سَارَ عَلَى نَهْجِهِ وَجَاهَدَ بِهَادِهِ إِلَى يَوْمِ
الْدِينِ. أَمَّا بَعْدُ، فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ⁶ أُوصِيُّكُمْ وَإِيَّا يَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ فَقَدْ فَازَ
الْمُتَّقُونَ. وَتَرَوَدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَىِ.

Muslimin Muslimat yang dirahmati Allah,

Bertakwalah kepada Allah dengan sebenar-benar takwa. Sesungguhnya berjayaalah orang-orang yang bertakwa yang tetap istiqamah beramal ketika senang mahupun susah.

⁵ Memuji Allah

⁶ Pesan Taqwa



Hampir dua ratus juta penduduk dunia telah dijangkiti, dan lebih empat juta orang telah meninggal dunia disebabkan virus Covid-19. Wahai makhluk Allah, virus Corona yang dinamakan Covid-19, jika engkau tentera Allah yang dikirimkan untuk membanteras kesombongan manusia yang telah begitu banyak melakukan kerosakan di muka bumi milik Allah ini, segerakanlah tugas mu, agar para hamba Allah yang tidak berdosa, tidak menjadi mangsa kerana perbuatan orang-orang yang telah melakukan kezaliman. Wahai makhluk kecil yang sedang menggemparkan dunia, sesungguhnya engkau menjadi bukti akan kuasa Pencipta yang tidak ada daya kekuatan manusia untuk melawan mu; pulanglah ke tempat Pencipta mu dengan tenang dan hentikanlah segera serangan mu terhadap kami yang lemah ini.

Ya Allah Maha Pencipta, pada pagi Aidiladha yang syahdu ini, kami pohonkan, dengan kudrat Mu, dihentikan serangan makhluk kecil virus Corona ini, daripada mengganggu kehidupan harian kami; kami pohonkan kehidupan kami dikembalikan seperti biasa, membolehkan kami bekerja, beribadah, melakukan umrah dan haji serta dapat menziarahi kedua-dua ibu bapa dan saudara-saudara tua kami, agar terubat kesepian mereka yang sangat rindu mahu bertemu dengan anak cucu.

الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ، وَلِلّهِ الْحَمْدُ

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ
حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ ادْفِعْ عَنَّا الْبَلَاءَ، وَالْوَبَاءَ، خُصُوصًا فِي رُؤُسِ الْكُورُونَا، وَالْغَلَاءَ، وَالْمَحَنَّ،
وَالْفِتَنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، عَنْ بَلِدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بُلْدَانِ عَامَّةً يَا أَرْحَمَ
الرَّاحِمِينَ.

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Allah, berilah kami kebaikan serta keberkatan di dunia dan di akhirat. Peliharalah kami daripada seksa dan azab api neraka.

Ya Allah, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu ke atas Raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَيْنَعِمِهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.